

Metode Pengajian Tafsir Al-Quran Institusi Pondok Di Malaysia. *Methods Study Of Al-Quran Interpretation Pondok Institutions In Malaysia*

Nurzatil Ismah Azizan¹, Nazneen Ismail², Siti Mursyidah Mohd Zin³, Nur Fatimah Zainuddin⁴.

¹ Pensyarah Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), nurzatil@kuis.edu.my,

² Pensyarah Jabatan Dakwah dan Usluddin, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), nazneen@kuis.edu.my

³ Pensyarah Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), mursyidah@kuis.edu.my

⁴ Pembantu Penyelidik, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

*Penulis penghubung

Artikel diterima: 16 Nov 2020

| Selepas Pembetulan: 12 Jan 2021

| Diterima untuk terbit: 30 Jan 2021

Abstrak

Perkembangan pengajian Islam di Malaysia menyaksikan evolusi pengajian berteraskan kitab-kitab turath. Bermula dengan pengajian di pondok-pondok secara tradisional sehingga kewujudan pondok moden yang mempunyai silibus dan peperiksaan sebagai aspek penilaian. Pengajian pondok menekankan aspek pengajian secara talaqqi kitab sebagai metode utama dalam pengajian. Metode talaqqi kitab tidak hanya dilakukan di pondok malah peringkat universiti juga melaksana sistem tersebut seperti USIM. Pelaksanaan metode ini di universiti membuktikan bahawa kaedah pengajian pondok diterima dalam sistem pendidikan pada masa kini. Pengajian pondok menekankan aspek kefahaman berkenaan kitab-kitab turath dalam bidang tafsir, hadis, akhlak, akidah dan nahu. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk meneliti sumbangan institusi pondok dalam pengajian tafsir al-Quran dalam aspek kaedah pelaksanaan pengajian tersebut. Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif dengan reka bentuk kajian kepustakaan seterusnya menggunakan dokumen sebagai instrumen kajian dan dianalisis dengan pendekatan induktif. Hasil kajian mendapati institusi pondok mempunyai kaedah pengajian yang tersendiri iaitu talaqqi, tafaqquh, itqan, munazarah dan mujadalah. Kaedah ini wajar diikuti oleh pusat pendidikan pada masa kini dalam memberi pengajaran dan pembelajaran pengajian tafsir al-Quran dan dikembangkan mengikut perkembangan teknologi agar ianya lebih menarik.

Kata Kunci

Metode, pengajian, institusi pondok, Malaysia.

Abstract

The development of Islamic studies in Malaysia saw the evolution of studies based on turath books. Starting with studies in traditional huts until the existence of modern huts that have a syllabus and examinations as an aspect of assessment. The study of the hut emphasizes the aspect of study by talaqqi kitab as the main method in study. The method of talaqqi kitab is not only done in the hut but also the university level also implements the system like USIM.

The implementation of this method in universities proves that the method of study of huts is accepted in the education system today. The study of pondok emphasizes the aspect of understanding regarding turath books in the field of tafsir, hadith, akhlaq, akidah and grammar. This study was conducted to examine the contribution of pondok institutions in the study of tafsir al-Quran in terms of the method of implementation of the study. This study is a qualitative study with the design of the library study then use the document as a research instrument and analyzed with an inductive approach. The results of the study found that the pondok institution has its own method of study, namely talaqqi, tafaquh, itqan, munazarah and mujadalah. This method should be followed by the education center nowadays in providing teaching and learning of the study of tafsir al-Quran and developed according to technological developments so that it is more interesting.

Keywords

Methods, Study , Pondok Institutions, Malaysia.

1. Pengenalan

Institusi pondok merupakan hasil cetusan dari institusi pengajian Islam di rumah, *suffah*, masjid dan juga istana. Bermatlamatkan untuk menyampaikan ilmu agama yang berbentuk fardhu ain dan fardhu kifayah kepada umat Islam, institusi ini juga berperanan dalam membentuk keperibadian muslim yang sempurna. Sistem pengajian pondok boleh dikatakan lebih kemas dengan struktur pengajiannya melalui kaedah menadah kitab dan duduk di sekeliling tuan guru dalam bentuk bulatan atau setengah bulatan yang di sebut halaqah tanpa kerusi, meja dan peralatan mengajar. Institusi pondok telah didirikan oleh alim ulama bagi tujuan menyebarkan ilmu agama serta memperkukuhkan pegangan akidah dan nilai-nilai Islam serta nilai-nilai konservatif budaya masyarakat Melayu (Noornajihan, 2017). Pembelajaran dan pengajaran di institusi pondok adalah fleksibel dan tidak terikat pada masa-masa tertentu dan terpulang kepada kebijaksanaan guru-guru di institusi pondok berkenaan (Ramli, 2015)

Pengkaji lepas menyatakan bahawa turath diambil daripada bahasa Arab yang bermaksud apa-apa yang ditinggalkan oleh seseorang kepada ahli warisnya (pusaka). Perkataan 'turath' merujuk kepada produk yang dihasilkan oleh akal golongan muslim sepanjang kurun. Turath merupakan hasil pemikiran atau karya intelektual yang berpaksi kepada al-Quran dan Sunnah, merangkumi hukum-hakam dan maksud-maksud syarak yang mencakupi nilai-nilai yang mengikut perubahan persekitaran, individu dan masyarakat. Syarak dijadikan sebagai kayu ukur untuk menilai sesuatu kemajuan dan menjadi asas rujukan dalam setiap perkara. Perbincangan berkenaan pengajian turath mendapati ia merupakan pengajian yang menggunakan kitab-kitab utama dalam pengajian Islam atau dikenali sebagai kitab kuning kerana ia ditulis di atas kertas berwarna kuning daripada timur tengah (Syed Salim, 2018).

Pengajian menggunakan pendekatan kitab turath banyak diamalkan di sekolah-sekolah pondok sebagai usaha menekankan aspek akidah, akhlak dan syariah yang terdapat dalam kitab-kitab tersebut. Penerapan ilmu daripada kitab turath dilihat

berjaya memupuk nilai-nilai murni dalam diri seseorang seterusnya menjadikan seseorang sebagai ilmuwan Islam yang hebat.

2. Pendekatan Sistem Pengajian Pondok

Menurut Ramli et.al (2015), pembelajaran di institusi pengajian pondok adalah dalam bangunan sekolah yang dibina dengan menggunakan papan dan beratapkan daun rumbia. Kemudahan di dalam kelas hanya mempunyai papan batu dan dalam. Buku-buku rujukan pula terdiri daripada kitab-kitab al-Quran, hadis, feqah, tauhid yang didatangkan dari Mesir dan negara-negara Arab yang lain. Pengajaran dan pembelajaran pondok menekankan kepada latihan membaca.

Abdullah Ishak dalam Masyurah (2015) menyatakan bahawa kurikulum pengajian pondok juga berubah dari masa ke semasa tetapi tetap berlandaskan ajaran Islam. Perubahan kurikulum ini berlaku akibat daripada perubahan guru atau pertambahan intelektual guru. Mata pelajaran yang diajar di kebanyakan pondok adalah nahu, saraf, fikah, tauhid, tasawuf dan akhlak. Namun begitu, terdapat perbezaan di antara sesebuah pondok dengan pondok yang lain. Sistem pengajian pondok tidak didasarkan pada kenaikan darjah. Sistem pengajian pondok boleh dibahagi kepada tiga peringkat iaitu permulaan, pertengahan dan tinggi.

Pada peringkat permulaan, pelajar belajar menulis dan membaca jawi, membaca al-Quran, belajar asas-asas agama, belajar ilmu Nahu dan Saraf. Antara kitab yang dipelajari dalam bidang Fiqh ialah Kitab *Maniyatal-Musalli* dan *Perukunan*. Kitab yang dipelajari untuk bidang Usuluddin *Hidayat al-Sibyan*, *Dhiyaul-Marid* dan *al-Durr al-Thamim*. Manakala kitab yang digunakan dalam bidang Nahu dan Saraf termasuklah *Matn al-Jurumiah* dan *Tasrif al-'Azzi*. Pada peringkat pertengahan pula, pelajaran yang diajar lebih mendalam daripada peringkat permulaan. Antara kitab yang dipelajari dalam bidang Fiqh ialah *Furu' al-Masail*, *Sabil al-Muhtadin* dan *Matla' al-Badrain wa Majmu' al-Bahrin*. (Masyurah, 2015). Daripada kitab yang dinyatakan tersebut menunjukkan pelajar pondok diberi penekanan terhadap pengajian menggunakan kitab turath yang hebat dalam mendalami ilmu-ilmu agama. Sistem pendidikan pondok ini berteraskan kurikulum pengajian Islam dan pelajar-pelajarnya tinggal di Pondok. Kurikulum di pondok hanya menekankan aspek asas-asas ibadah fardu, ain dan fardhu kifayah tanpa pendidikan akademik yang formal (Noornajihan et al, 2018).

3. Kaedah Pengajian Pondok

Kemunculan sistem pondok bermula pada abad ke- 19 dan dikenali dengan pelbagai nama seperti pasantren, langgar atau pondok. Namun begitu, institusi tersebut mempunyai struktur pengajian, falsafah dan matlamat yang serupa. Ianya memiliki identiti tersendiri yang terdiri daripada pelbagai aspek seperti tempat, kurikulum, teknik pengajaran dan pembelajaran, pengkaedahan serta hubungan di antara pelajar (Maziahtusima et al, 2019).

Pengajian pondok merupakan sistem pertama yang diamalkan dan menjadi asas penting dalam perkembangan sistem pendidikan di Malaysia ('Ainin dan Farid, 2019). Institusi pengajian pondok di Malaysia mempunyai silibus dan sistem pengajian yang tersendiri serta tidak terikat dengan mana-mana silibus kerajaan.

Abdullah Ishak di dalam Mashitah et al. (2015) menyatakan bahawa para pelajar yang memasuki institusi pondok tiada had dari segi umur. Seseorang yang boleh membaca al-Quran boleh memasuki institusi tersebut. Antara keperluan lain ialah dapat menulis menggunakan tulisan jawi atau mereka yang telah tamat pengajian agama di peringkat permulaan di kampung. Sebagaimana umur yang tidak dihadkan, begitulah juga dengan tempoh masa belajar. Namun begitu, menurut Abdullah Jusuf di dalam 'Ainin dan Farid menyatakan bahawa tempoh pengajian sekurang-kurangnya di antara 2 hingga 5 tahun dan ini adalah bergantung kepada kesanggupan pelajar itu sendiri ('Ainin dan Farid, 2019).

Menurut Ramli et. al (2015), pengajian di pondok adalah secara percuma dan terbuka kepada semua orang Melayu yang beragama Islam. Segala perbelanjaan di institusi pondok adalah melalui derma, sumbangan ikhlas, dan zakat. Guru-guru yang mengajar tidak akan menuntut bayaran dan mereka juga tidak dibayar gaji (Ramli et.al, 2015). Guru melakukan tugas dengan kerelaan dan keikhlasan hati. Hanya beberapa lama selepas perkembangan institusi pengajian pondok, dilakukan penetapan kadar yuran yang perlu dibayar oleh pelajar.

Pelajar yang datang untuk mengikuti pengajian di pondok adalah mereka yang mempunyai tahap kebolehan dan pengetahuan yang berbeza antara satu dengan lain. Pengajian pondok tidak mempunyai sistem peperiksaan (Ramli et.al, 2015). Hal ini juga sependapat dengan pengkaji 'Ainin dan Farid (2019) yang menyatakan kebiasaan institusi pengajian pondok tidak mengamalkan sistem peperiksaan. Akan tetapi, kemampuan atau kebolehan seseorang pelajar memahami pelajaran atau kitab yang dipelajari membolehkan mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Ini dapat dilihat bahawa penilaian terhadap pelajar adalah melalui kefahaman yang diperoleh dan ianya bukan penilaian peperiksaan bertulis.

Sukatan pembelajaran pondok adalah bergantung kepada guru di institusi pondok tersebut. Sukatan pembelajaran tidak terikat, kitab dipilih sendiri oleh guru mengikut peringkat dari peringkat rendah ke peringkat yang tinggi. Ini juga dikenali sebagai sistem halaqah atau juga boleh dikenali sebagai sistem menadah kitab (Ahmad Yunus dan Qutrennada, 2017). Konsep atau pendekatannya adalah menggunakan kaedah kuliah, penghafalan, pembacaan, mengulangkaji dan menyalin teks. Situasi yang digunakan dikenali sebagai membaca kitab dengan duduk secara separuh bulatan dalam menghadap guru ketika guru sedang membaca atau memberi keterangan tentang sesuatu penyampaian ilmu. Kaedah hafalan digunakan dalam mempelajari tatabahasa Arab, surah-surah al-Quran, Hadis dan ilmu Tauhid. Talaqqi dengan guru semasa pengajian dan pembacaan kitab. Guru akan memulakan pembacaan sesuatu kitab daripada kulit depan yang dimulai dengan tajuk dan seterusnya diikuti dengan muka surat berikutnya (Maziahtusima et al, 2019).

Noornajihan *et al* (2018) dan Masyhurah *et al* (2015) dalam membahaskan berkenaan kaedah pengajian di institusi pondok mendapati kaedah pembelajaran pengajian pondok ini terdedah kepada sistem pengajian di Mekah (Masjid al-Haram)

dengan pengubahsuaian mengikut kebudayaan masyarakat. Ketika pengajian sedang berlansung murid-murid dikehendaki duduk bersila dalam satu bulatan yang hampir tertutup. Bahagian yang sedikit terbuka merupakan tempat guru yang mengajar serta dilapik dengan hampan. Guru akan mengajar menggunakan teknik syarahan dan merujuk kepada sebuah kitab. Setiap murid akan membuka catatan pada ruangan kosong yang disediakan di tepi halaman kitab. Biasanya guru akan membaca kitab itu dalam bahasa Arab dan kemudiannya menerangkan dalam bahasa Melayu. Kaedah ini dikenali sebagai *halaqah* atau sistem *umumi* (Masyhurah, 2015)

Aktiviti pembelajaran di pondok biasanya sangat ketat untuk pelajar sepenuh masa (Mohd Mahadi dan Noor Sufiza, 2014). Kaedah pengajaran yang digunakan adalah secara sedikit demi sedikit dan diulang-ulang. Ini adalah untuk memastikan pelajar yang lebih berusia tidak ketinggalan. Pelajar mempunyai kebebasan untuk bertanya soalan di dalam kelas mahupun di luar waktu kelas. Terdapat beberapa prinsip umum berkait rapat dengan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran agama ialah motivasi, keperluan dan minat pelajar. Hal ini juga adalah untuk melihat tujuan belajar, mengetahui tahap kematangan pelajar, memahami perbezaan di antara pelajar, menyediakan peluang pengalaman pembelajaran, menilai kefahaman, integrasi pengalaman, pembaharuan dan kebebasan berfikir (Ahmad Yunus dan Quthrennada, 2017).

4. Kaedah Pengajian Tafsir Al-Quran Di Pondok.

Pengajian tafsir mencapai tahap kegemilangan pada tahun 1900 sehingga 1957 di Kelantan dengan penubuhan institusi pengajian pondok yang banyak (Mustafa, 2003). Kajian yang dilakukan oleh Syed Salim (2018) membuktikan bahawa kitab tafsir merupakan salah satu kitab yang dipelajari oleh masyarakat Islam di Malaysia. Antaranya ialah Kitab Tafsir Nur al-Ihsan oleh Muhammad Sa'id bin Umar. Manakala Wan Fakhru Razi (2019) menyebut bahawa pondok di Kelantan menggunakan Kitab Tafsir Jalalayn sebagai bahan pengajaran. Menurut Haziyah (2016) pula kitab tafsir yang dipelajari di alam melayu ialah Quran Bergantung Makna Melayu oleh Sheikh Mohamed Idris al-Marbawi. Malah Idris al-Marbawi turut menulis dua lagi karya tafsir beliau iaitu Tafsir Surah Yasin Bahasa Melayu dan Tafsir al-Quran al-Marbawi Juz Alif Lam Mim. Ia menunjukkan bahawa terdapat usaha memberi kefahaman kepada masyarakat berkenaan isi kandungan al-Quran untuk diamalkan dalam kehidupan seharian. Nurzatil Ismah (2009) dalam kajiannya membuktikan bahawa kitab tafsir Muhammad Sa'id bin Umar masih digunakan dalam pengajian tafsir di masjid-masjid. Antara ulama yang menggunakan tafsir ini ialah kuliah tafsir Ustaz Shamsuri Ahmad malah dirakam dalam kaset dengan tajuk "*Orang Kita Pintu Taubat*".

Tidak ketinggalan kuliah yang disampaikan oleh Ustaz Hamid Tahir di Menara Zakat Alor Setar, kuliah oleh Ustaz Abdullah b. Ibrahim di Dewan Kebajikan Kampung Hijrah, kuliah oleh Ustaz Abdullah Tsani di Taiping Perak, kuliah oleh Ustaz Badri daripada Pejabat Agama Alor Star, kuliah tersebut diadakan di Masjid 'Ala Jitra, kuliah oleh Ustaz Shamsuri Hj Ahmad di Taman Kerian Parit Buntar Perak, Kuliah oleh Ustaz Abu Bakar di Masjid Bagan Serai sebagai bukti bahawa pengajian tafsir

mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Islam dalam memahami syariat Islam. Kehebatan Tafsir Nur al-Ihsan tidak dapat disangkal lagi kerana ia merupakan kitab tafsir kedua selepas Tarjuman al-Mustafid yang ditulis dalam bahasa Melayu pada abad ke-19 Masihi (Mohd Sholeh, 2014). Penelitian oleh Mustaffa (2003) mendapati antara kitab tafsir yang dipelajari di pondok ialah Tafsir al-Baydawi, Tafsir al-Khazin, Tafsir Ruh Al-Ma'ani dan Tafsir al-Nasafi.

Wan Fakhru Razi (2019) menyatakan pengajian tafsir merupakan salah satu subjek pengajian yang diajar di institusi pondok malah ia merupakan mata pelajaran yang utama dalam pengajian pondok. Pengajian tafsir pada peringkat awal melalui sistem pondok menjadikan karya-karya tafsir klasik sebagai buku teks bagi para pelajar. Walaubagaimanapun orientasi pengajian tafsir al-Quran dikatakan telah berubah setelah ia dilaksanakan menerusi sistem pengajian sekolah yang turut memberi perhatian kepada ilmu dunia. Pengajian tafsir pada setiap peringkat tentunya berbeza-beza, dimana semakin tinggi tingkat pengajian semakin luas pula perbahasannya.

Pemilihan kitab yang digunakan dalam pengajian pondok dipilih berdasarkan kepentingan dan keperluan dalam mendalami ilmu tafsir. Turut diberi penekanan adalah kesesuaian pada setiap peringkat pengajian. Fokus utama dalam pembelajaran tafsir di Pondok Moden tertumpu kepada memahami disiplin ilmu tafsir yang memerlukan kefahaman dari pembelajaran pada peringkat awal sehingga di akhir pengajian (Wan Fakhru Razi, 2019)

Penyampaian ilmu dalam pengajian tafsir di pondok mempunyai beberapa pendekatan. Menurut Siti Saniah *et al* (2019), terdapat lima kaedah pengajaran dalam pengajian tafsir al-Quran yang dapat dilihat di pondok secara tradisional iaitu kaedah talaqqi, kaedah tafaqquh, kaedah itqan, kaedah munazarah, dan kaedah mujadalah. Melalui lima kaedah pengajaran pondok secara tradisional hanya terdapat tiga kaedah pengajaran yang diamalkan secara langsung di institusi pondok iaitu kaedah talaqqi, kaedah tafaqquh dan kaedah itqan. Manakala kaedah mujadalah dan kaedah munazarah pula diamalkan secara tidak langsung di institusi pondok.

4.1 Kaedah Talaqqi

Kaedah talaqqi merupakan kaedah wajib yang perlu diamalkan di setiap institusi pondok. Institusi pondok menggabungkan kaedah talaqqi secara tradisional dan kaedah talaqqi secara moden. Dalam erti kata yang lain, sistem pengajian pondok ini telah menggabungkan kaedah lama yang baik dan kaedah baru yang memberi manfaat. Institusi pondok mengamalkan kaedah talaqqi secara tradisional semasa menjalankan kelas umum. Kelas umum bermaksud sesi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan dengan menghimpunkan semua pelajar di masjid dan guru akan menyampaikan syarahan tanpa mengira perbezaan tahap pengajian, umur dan jantina pelajar. Pelajar-pelajar akan duduk bersila dan membentuk bulatan (Siti Saniah, 2018).

Kaedah talaqqi telah diamalkan sejak zaman Rasulullah SAW diikuti oleh para sahabat dan tabi'in dan dari generasi ke generasi dalam proses penyampaian ilmu. Sistem pengajian ini dilakukan dengan pertemuan bersemuka antara guru dan

pelajar dengan guru membaca kitab dari kulit ke kulit. Pelajar membaca di hadapan guru mengikut giliran. Dalam konteks Malaysia, pengajian berbentuk talaqqi ini telah lama wujud dalam sistem pengajaran dan pembelajaran bagi ilmu-ilmu Islam yang bermula semenjak kedatangan Islam ke Alam Melayu pada peringkat awal yang dikatakan berlaku selewat-lewatnya pada kurun ke-12 Masihi lagi (Syed Salim, 2018).

Pengajian menggunakan kitab turath tidak hanya melibatkan pengajian yang bersifat tradisional, malah ia telah diangkat sehingga menjadi pengajian wajib di peringkat universiti. Antaranya Universiti Islam Sains Malaysia menjadikan kaedah pengajian talaqqi sebagai kursus wajib universiti dan kini menjadi kursus wajib USIM. Mahasiswa diwajibkan menghadiri daurah kitab sebagai salah satu keperluan universiti (Syed Salim, 2018). Ia bukti bahawa pendekatan yang digunakan oleh sistem pengajian pondok turut diterima oleh institusi pengajian tinggi.

4.2 Kaedah Tafaqquh

Kaedah tafaqquh diamalkan untuk memahami dan mendalami sesuatu ilmu yang telah dipelajari. Kaedah tafaqquh ini juga diamalkan oleh pelajar yang sentiasa mendampingi guru bagi mendalami sesuatu ilmu yang tidak difahami oleh mereka. Pelajar yang tidak memahami tentang sesuatu perkara akan berjumpa dengan guru setelah tamat sesi pengajaran dan pembelajaran (Siti Saniah, 2018). Ia sebagai satu usaha pelajar untuk mendalami ilmu yang dipelajari dengan lebih mendalam dan tepat. Tafaqquh bermaksud kefahaman, ia menekankan kefahaman dalam ilmu-ilmu agama. Konsep tafaqquh telah diamalkan sejak zaman Rasulullah SAW bagi memberi kefahaman kepada masyarakat tentang Islam. Kesenambungan daripada istilah ini juga melahirkan istilah-istilah lain yang memberi makna orang yang memahami Islam secara mendalam iaitu muazzin, mufti, imam, muqri dan mu'allim.

4.3 Kaedah Itqan

Kaedah itqan membawa maksud kaedah dalam menekuni sesuatu ilmu. kaedah ini dapat dilihat apabila pelajar duduk mengelilingi guru serta tekun mendengar setiap kata yang diungkapkan oleh guru mereka. Di samping itu, pelajar dikehendaki menghafal bahagian-bahagian yang penting secara bergilir-gilir di hadapan guru bagi memastikan pelajar dapat menghafal kitab-kitab tersebut. Oleh itu, setiap pelajar perlu bersungguh-sungguh ketika kaedah ini dijalankan. Malah kesungguhan pelajar juga dapat dilihat apabila pelajar mencatat nota ketika proses pengajaran dijalankan (Siti Saniah, 2018).

4.4 Kaedah Munazarah

Kaedah munazarah ini merupakan kaedah perdebatan di antara dua pihak dalam menegakkan pendapat masing-masing, ia sebagai satu latihan untuk bercakap dan berdebat di hadapan orang ramai. Kaedah ini merupakan satu kaedah yang banyak memberi manfaat kepada pelajar-pelajar pondok terutamanya apabila mereka keluar bergaul dalam kalangan masyarakat (Siti Saniah, 2018). Kebolehan dalam menyampaikan ilmu pengetahuan akan menjadikan dakwah Islam berkembang dengan pesat dan mudah difahami oleh *mad'u*.

4.5 Kaedah Mujadalah

Kaedah mujadalah ini merupakan kaedah soal jawab antara dua pihak. Menurut Masyhura *et al* (2015), kaedah ini hanya akan dilakukan oleh pembantu guru. Pembantu guru ini merupakan seorang pelajar yang sudah berada di tahap pengajian yang tinggi. Ini adalah untuk membantu guru dalam mengendalikan pelajar-pelajar lain dengan lebih cepat dan dapat dipantau dengan baik. Ia salah satu aspek yang menjadikan pelajar pondok pandai dalam bercakap dan berdebat terutama dalam mengupas isu-isu semasa, ia memudahkan mereka untuk menyampaikan ilmu agama kepada masyarakat kelak.

Kesimpulan

Penelitian terhadap kaedah pengajian tafsir al-Quran di institusi pondok mendapati kaedah pengajian yang diamalkan dapat melahirkan pelajar yang mahir dalam ilmu-ilmu agama. Kelebihan mereka juga terserlah apabila berada di lapangan masyarakat dengan kepetahan berhujah dan ilmu yang tidak terikat dalam satu bidang sahaja. Ia memandangkan ilmu yang dipelajari di pondok meliputi pelbagai ilmu pengajian Islam seperti tafsir, hadis, akhlak dan lain-lain. Ia menjadikan pelajar pondok mempunyai kelebihan berbanding sistem pengajian lain yang berorientasi kepada silibus yang terhad dan peperiksaan. Pengajian pondok fokus kepada kitab tertentu yang kebiasaannya kitab turath yang dibaca dari kulit ke kulit dan tidak fokus kepada peperiksaan. Malah mereka dapat mendalami ilmu dengan baik kerana tempoh pengajian yang tidak terikat. Latihan menyebarkan dakwah dalam proses pengajian (mujadalah dan munazarah) menjadikan pelajar yang lahir daripada institusi pondok mempunyai kebolehan menyampaikan ilmu dan dapat mempengaruhi pendengar melalui pendekatan yang digunakan. Aspek ini wajar dijadikan panduan kepada institusi pengajian lain yang memberi fokus kepada pengajian Islam agar ilmu-ilmu Islam dapat disampaikan dengan lebih berkesan.

Rujukan

- Ahmad Yunus Mohd Noor & Quthrennada Rosli. (2017). Perkembangan Metodologi Pengajaran Dan Pembelajaran Hadith Di Negeri Kedah. *Journal Of Hadith Studies*, 2 (2), Eissn: 2550-1148.
- Ainin Sofiya Adrus & Farid Mat Zain (2019). Sejarah Penubuhan Dan Sistem Pengajian Di Madrasah Al-Ulum Ad-Diniah Al-Usmaniah. *At-Tahkim*, 9 (26), Issn: 2541-3856.
- Haziyah Hussin , Latifah Abdul Majid , Nor Syamimi Mohd (2016). Pemikiran Tafsir Sheikh Mohamed Idris Al-Marbawi Dalam Manuskrip Quran Bergantung Makna Melayu. *Jurnal Al-Turath*; Vol. 1, No. 1; 2016
- Masyhura Mohd Rawi *Et Al.* (2015). Institusi Pondok Dalam Sistem Pendidikan Islam Di Malaysia. *Proceeding The 7th International Workshop And Conference Of Asean Studies On Islamic And Arabic Education And Civilization (Polta-Ukm-Polimed)*, Isbn: 978-983-2267-77-5.
- Maziahtusima Ishak *Et Al.* (2019). Isu Dan Cabaran Pendidikan Pondok Dari Lensa Pegawai Jabatan Dan Majlis Agama Islam Negeri Di Malaysia. *International Journal Of Education, Psychology And Counseling*, 4 (31), 384-393.

- Mohd Mahadi Mydin & Noor Sufiza Ahmad. (2014). *The System Of Islamic Studies At Madrasah (Sekolah Pondok)*. *Journal Of Mechanical Manufacturing*, (1).
- Mohd Sholeh Sheh Yusuff Et Al. 2014. Tafsir Nur Al-Ihsan Oleh Syeikh Muhammad Sa'id: Suatu Bacaan Intertekstual. Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu Jilid 7 Bil.1 2014
- Mustaffa Abdullah Dan Mohd Asmadi Yakob. (2003). Pengajian Tafsir Di Kelantan :Satu Tinjauan Sejarah. *Jurnal Usuluddin Bil 17 2003*.
- Noornajihan Jaafar et al. (2017). Cabaran Institusi Pendidikan Pondok Serta Impak Terhadap Pembentukan Diri Pelajar. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*. Volume: 2 Issue: 6. 223-235.
- Nurzatil Ismah Binti Azizan. (2009). *Tafsir Nur Al-Ihsan* Oleh Muhammad Said B. Umar Dan Tafsir Al-Qur`An Al-Hakim Oleh Mustafa Abdul Rahman: Kajian Perbandingan Metodologi Pentafsiran. Tesis Sarjana. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Ramli Saadon, Khairi Ariffin & Ishak Saat. (2015). Perkembangan Pendidikan Orang Malaya Sebelum Kemunculan *Western-Type-Education*. *Jurnal Perpektif*, 8 (2), 79-96.
- Siti Saniah Abu Bakar *Et Al.* (2019). Kaedah Pengajaran Di Institusi Pengajian Pondok. *The Online Journal Of Islamic Education*, 7 (2), 10-20.
- Syed Salim Syed Shamsuddin. (2019). Pemantapan Pelajar Aliran Syariah di Institusi Pengajian Tinggi Melalui Pengajian Kitab Turath Jawi: Tinjauan Terhadap Perlaksanaan Pengajian Talaqqi di Universiti Sains Islam Malaysia Sains Insani 2018, Volume 03 No. 01: 27-37
- Wan Fakhrol Razi Wan Mohamad Et Al. (2019). Pengajian Tafsir Al-Quran Di Pondok Moden Bachok: Satu Tinjauan Awal (⁵Th International Seminar On Islamiyyat Studies (Irsyad 2019)